

14/08/2003

AirAsia ke Phuket dari Langkawi

PUTRAJAYA: AirAsia Sdn Bhd (AirAsia) akan memulakan perkhidmatan dari Langkawi ke Phuket Januari depan bagi mempromosikan kedua-dua pusat pelancongan itu.

Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy berkata, syarikat penerbangan Thailand juga akan memulakan perkhidmatan sama tetapi syarikat penerbangan dan tarikh operasi belum ditetapkan oleh negara itu.

"Promosi bersama ini dibincangkan dalam pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Thaksin Shinawatra, di Pulau Langkawi baru-baru ini.

"Ini langkah pertama ke arah mencapai matlamat kedua-dua pemimpin negara berkenaan," katanya sebelum mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian, di pejabatnya di sini semalam.

Chan berkata, maklumat terperinci, terutama kekerapan penerbangan, akan diumumkan kemudian.

Beliau berkata, Penerbangan Malaysia (MAS) juga berminat dengan usaha itu tetapi belum menentukan jenis operasi kerana mungkin menghadapi masalah logistik.

Malah, katanya, kedua-dua syarikat penerbangan itu diminta mengkaji kemungkinan memulakan perkhidmatan ke destinasi lain di Thailand, manakala syarikat penerbangan Thailand dipelawa meneroka peluang sama ke sini.

"Selepas Langkawi, kita akan lihat destinasi lain seperti Pulau Pinang ke pusat pelancongan di Thailand. Perkara ini juga akan dilakukan oleh Thailand," katanya.